

**Rakyat Harus Hayati, Hargai Dasar Keterangkuman Negara
Bernama
26 Disember, 2012**

PITAS, 26 Dis (Bernama) -- Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Rahim Bakri menggesa rakyat menghayati dan menghargai dasar 'inclusive' atau keterangkuman yang menjadi teras pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata dasar itu penting untuk difahami oleh semua peringkat bukan sahaja oleh pembuat dasar yang terdiri daripada pemimpin politik tetapi juga penjawat awam sebagai penterjemah dan pelaksana dasar.

"Kefahaman ini adalah untuk menjamin tidak ada satu pihakpun yang merasa terpinggir dan tersisih dalam pelaksanaan dasar kerajaan yang diterajui oleh Barisan Nasional (BN) dalam membangunkan sebuah negara bangsa Malaysia.

"Semenjak mencapai kemerdekaan, kerajaan BN tidak mengamalkan atau memaksa proses asimilasi dalam membentuk identiti masyarakat malaysia seperti dilakukan oleh kebanyakan negara asia tenggara yang lain," katanya.

Abdul Rahim yang juga anggota Parlimen Kudat menyatakan demikian pada majlis perpaduan menerusi kepelbagaian kaum sempena sambutan Krismas di Kampung Salimpodon Darat bersama sepuluh kampung berdekatan selain menyampaikan bantuan kepada golongan memerlukan di sini hari ini.

Menurut beliau, pendekatan dan model integrasi yang diguna pakai ialah dengan mengguna dan menggalakkan pluralisme dan kepelbagaian identiti asal bangsa masing-masing.

"Hakikatnya, model integrasi Malaysia tetap membawa penyatuan masyarakat dan negara dengan berkesan. Pendekatan ini menjadikan Malaysia sebuah negara unik dan menarik serta membuka mata masyarakat dunia bahawa kesatuan boleh berlaku di dalam kepelbagaian bangsa, bahasa dan budaya," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Rahim mengulangi komitmen dan kesungguhan kerajaan BN untuk mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat dan membela masyarakat tanpa mengira kaum, latar belakang, bangsa dan agama sebagai asas perjuangan kerajaan selama ini.

"Dasar yang berpaksikan rakyat ini perlu dipertahankan sampai bila-bila dan jika ada yang cuba mengubahnya wajarlah ditentang habis-habisan melalui sistem demokrasi negara ini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=917675>